




UNIT PEPERIKSAAN BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

PROSES KERJA PENGURUSAN SKRIP JAWAPAN OMR

- 1) Penyelaras kursus boleh mengambil semua skrip jawapan pelajar di Unit Peperiksaan, Bahagian Hal Ehwat Akademik (BHEA) atau di Bilik/Dewan Peperiksaan. Sekiranya mengambil skrip jawapan di Bilik/Dewan peperiksaan, sila lengkapkan Borang Pengesahan Pengambilan Skrip Jawapan.
 - perlu semak jumlah skrip jawapan mengikut kursus dan kumpulan.
 - pastikan jumlah skrip jawapan sama dengan jumlah yang ditulis di sampul skrip jawapan.
- 2) Penyelaras kursus menghantar Borang Penerimaan Kertas Jawapan OMR, skema jawapan dan skrip jawapan pelajar ke Pejabat BHEA.
 - pastikan Borang Penerimaan Kertas Jawapan OMR diisi dengan lengkap dan dihantar ke Unit Peperiksaan **selewat-lewatnya satu (1) hari** selepas tarikh peperiksaan.
- 3) Penerimaan Skrip Jawapan OMR yang dihantar hendaklah melebihi seratus (>100) orang pelajar bagi setiap pensyarah iaitu 1:100.
- 4) Unit Peperiksaan menyemak Borang Penerimaan Kertas Jawapan OMR dan skema jawapan.
 - borang yang lengkap sahaja akan diproses.
- 5) Unit Peperiksaan mengimbas skrip jawapan dan menyediakan laporan markah berdasarkan Borang Penerimaan Kertas Jawapan OMR.
- 6) BHEA menghubungi penyelaras selepas selesai proses imbasan skrip jawapan.
- 7) Penyelaras kursus perlu hadir ke Unit Peperiksaan untuk mengambil skrip jawapan dan data/laporan markah dalam bentuk 'soft copy'.
 - perlu membawa 'thumb drive' atau 'external hard disk'.
- 8) Penyelaras kursus mengagihkan skrip jawapan dan data/laporan markah kepada semua pensyarah kumpulan untuk di muat naik ke dalam Sistem MySiS.
 - Penyelaras Kursus perlu memastikan semua pensyarah memuat naik markah ke dalam Sistem MySiS.
- 9) Pensyarah perlu membuat semakan selepas markah di muat naik. Sekiranya markah pelajar tiada dalam data/laporan markah yang diimbas oleh BHEA, pensyarah perlu mencari skrip jawapan dan memasukkan markah ke dalam Sistem MySiS.

CARTA ALIR BAGI AKTIVITI MEMPROSES SKRIP JAWAPAN OMR



* PK – Penyelaras Kursus

* BHEA - Bahagian Hal Ehwal Akademik